

Malaysia Akan Bekerjasama Dengan Sackler Institute For Nutrition Science - Najib Bernama
01 November, 2012

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Malaysia akan bekerjasama dengan Sackler Institute for Nutrition Science, New York bagi memerangi trend peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti obesiti dan diabetes di kalangan rakyat Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata institut itu akan menyediakan Malaysia dengan input-input berhubung cara menangani pemakanan berlebihan dan kurang pemakanan di kalangan rakyat Malaysia.

"Kita dapati ada satu trend membimbangkan dari segi lebih cepat daripada jangkaan berhubung peningkatan dalam NCD seperti obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi, yang merupakan satu trend yang membimbangkan.

"Majlis (Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC)) menyediakan kita dengan beberapa pandangan yang sangat menarik berhubung cara menangani keadaan ini. Kita juga memutuskan bahawa melalui majlis ini, kita akan bekerjasama dengan Sackler Institute for Nutrition Science," kata Najib kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat antara sesi GSIAC, di sini, pada Khamis.

Najib berkata ia akan menjadi "satu susunan kerjasama yang sangat menarik yang kita boleh jalankan."

Sackler Institute for Nutrition Science ditubuhkan oleh New York Academy of Sciences (NYAS) dalam perkongsian dengan Mortimer D Sacler Foundation Inc, dan antara lain ia didedikasikan kepada memajukan penyelidikan dan pengetahuan sains pemakanan.

Turut hadir pada majlis itu ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif NYAS, Ellis Rubinstein, dan Penasihat Sains Najib dan Pengerusi bersama Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) Prof Datuk Dr Zakri Abdul Hamid.

Antara tetamu yang menghadiri mesyuarat itu ialah Bendahari kehormat dan Naib Presiden Royal Society Sir Peter William, bekas penasihat Sains kepada Perdana Menteri Jepun Dr Kiyoshi Kurokawa dan Ketua Fakulti Artificial Intelligence (AI) dan Robotics Co-Chair, Singularity University dan bekas angkasawan NASA Dr Dan Barry, wakil National Science Foundation Dr Sonia Ortega dan wakil Sackler Institute for Nutrition Science Nabeeha Kazi.

Menyentuh mengenai GSIAC, Najib berkata apa yang penting adalah pakar-pakar dunia penuh komited bagi membantu dan bersedia menjadi rakan Malaysia.

"Seperti apa yang disebut Ellis, kita telah mengumpul beberapa cerdik pandai di dunia kerana kita percaya kita memerlukan idea yang hebat dan cemerlang.

"Dan semua idea-idea ini sudah ada, mereka sudahpun dibangunkan di negara-negara lain dan dalam fikiran beberapa pemikir hebat yang kita telah kumpul dan mereka menyediakan kepada kita penyelesaian canggih dan praktikal," katanya.

Katanya pembentukan GSIAC adalah satu forum yang akan membawa kepada satu pelaksanaan idea-idea ini dengan jayanya.

"Dan ia telah dibuktikan dalam tempoh dua setengah tahun sejak penubuhannya bahawa beberapa idea yang dibincangkan sebelum ini sudahpun dilaksanakan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706306>